

**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)**  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



**KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN  
PERKEMBANGAN LITERASI BAHASA MURID PEMULIHAN  
KHAS BERISIKO DISLEKSIA**

*VALIDITY AND RELIABILITY OF THE LANGUAGE LITERACY DEVELOPMENT  
INSTRUMENT FOR SPECIAL REMEDIAL STUDENTS AT RISK FOR DYSLEXIA*

Mazidah Ali<sup>1</sup>, Ardzulyna Anal<sup>2\*</sup>, Suhaimee Sulaiman<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
SK Rumbia, Melaka, Malaysia.

Email: g-26111545@moe-dl.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: Ardzulyna@fpm.upsi.edu.my

<sup>3</sup> Unit Pembelajaran Berkeperluan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia  
Email: suhaimee@moe.gov.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 08.01.2024

Revised date: 06.02.2024

Accepted date: 28.03.2024

Published date: 31.03.2024

**To cite this document:**

Ali, M., Anal, A., & Sulaiman, S. (2024). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Perkembangan Literasi Bahasa Murid Pemulihan Khas Berisiko Disleksia Berdasarkan Model Rasch. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (53), 591-603.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.953045.

**Abstrak:**

Kajian ini membincangkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen bagi tujuan penilaian soal selidik kajian yang dibina. Kesemua item dibangunkan dengan mengambil kira pelbagai teori dan model literasi bahasa, serta kajian literatur domestik dan antarabangsa. Terdapat empat konstruk dalam mengukur perkembangan literasi bahasa murid pemulihan khas berisiko disleksia di sekolah rendah, iaitu huruf, suku kata dan perkataan, ayat mudah dan teks. Kajian rintis yang telah dilaksanakan melibatkan 34 orang guru pemulihan sebagai responden. Seramai lima orang panel telah dilibatkan sebagai pakar kesahan kandungan. Selain itu, untuk menentukan sama ada item itu perlu dikekalkan atau digugurkan, sebuah kaedah pengukuran kuantitatif iaitu *Content Validity Ratio (CVR)*, digunakan. Hasilnya, sebanyak 19 daripada 52 item digugurkan manakala 33 item lagi dikekalkan. Seterusnya, kebolehpercayaan instrumen dinilai melalui kaedah ketekalan dalam alfa Cronbach dengan memperoleh sekurang-kurangnya 0.84 dan ke atas bagi setiap konstruk instrumen. Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua konstruk dan item yang dibina memenuhi syarat pengukuran instrumen dan boleh digunakan sebagai alat dalam mengukur perkembangan literasi bahasa murid pemulihan khas berisiko disleksia di sekolah rendah.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



**Kata Kunci:**

Literasi Bahasa, Pemulihan Khas, Disleksia.

**Abstract:**

This study discusses the validity and reliability of the instrument for the purpose of evaluating the constructed research questionnaire. All items were developed from various theories and models of language literacy, as well as domestic and international literature studies. There are four constructs in measuring the language literacy development of special remedial pupils at risk of dyslexia in primary school, namely letters, syllables and words, simple sentences and text. The pilot study that has been carried out involves 34 remedial teachers as respondents. A total of five panelists were involved as content validity experts. In addition, to determine whether the item should be retained or dropped, a quantitative measurement method, the Content Validity Ratio (CVR), is used. As a result, 19 out of 52 items were dropped while another 33 items were retained. Next, the reliability of the instrument was assessed through Cronbach's alpha internal consistency method by obtaining at least 0.84 and above for each instrument construct. In conclusion, the results of the study show that all the constructs and items that were built meet the instrument's measurement requirements and can be used as a tool in measuring the language literacy development of special remedial students at risk of dyslexia in primary schools.

**Keywords:**


Language Literacy, Special Remedial, Dyslexia

## Pengenalan

Cabar menangani masalah penguasaan literasi bahasa dalam kalangan murid pemulihan khas di sekolah rendah bukanlah suatu isu yang baharu. Apa ntah lagi selepas pasca pandemik COVID-19. Secara keseluruhan berlakunya peningkatan bilangan murid pemulihan khas bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (Mazidah Ali, 2023) khususnya bilangan murid pemulihan khas Tahun 2 dan Tahun 3. Selain itu, pandemik COVID-19 juga dilaporkan sebagai penyumbang utama kemerosotan dalam pencapaian Programme for International Student Assessment (PISA) 2022 yang dilaporkan baru-baru ini (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2023). Hal ini jelas menunjukkan bahawa komitmen murid dan sokongan ibu bapa sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) adalah amat penting dalam memastikan murid sentiasa konsisten dalam pencapaian pembelajaran mereka. Sokongan ibu bapa dipengaruhi dari pelbagai aspek seperti sikap (Mazidah Ali, 2020), pengetahuan tentang bagaimana untuk mengajar murid pemulihan khas belajar membaca (Mazidah Ali, 2022), sosioekonomi (Paul Carlo & Kamisah Ali, 2018; Radziah Taris & Muhammad Hussin, 2013), sokongan emosi (Flack et al. 2018; Torppa et al., 2022), penglibatan ibu bapa terhadap aktiviti yang dilaksanakan guru pemulihan (Nurul Ain & Khairul Farhah, 2022) dan sokongan keperluan pembelajaran seperti penyediaan fasiliti pembelajaran (Mairin Gosman et al., 2020).

Sehubungan itu, satu alat pengukur bagi mengetahui perkembangan literasi bahasa murid pemulihan khas yang berisiko disleksia perlu dibangunkan agar dapat membantu pelbagai pihak

mengesan perkembangan literasi bahasa mereka. Selain itu, dapat membantu guru perdana dan guru pemulihan merancang dan melaksanakan sebuah intervensi khusus pada kemahiran yang tidak dikuasai dengan lebih berkesan. Sekiranya murid pemulihan khas berisiko disleksia ini tidak melepas skor minimum Ujian Pelepasan Program Pemulihan Khas, tindakan lanjut seperti pemeriksaan pegawai perubatan unit sekolah di klinik kesihatan terdekat dan pemeriksaan oleh pegawai terapi oleh Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) akan dilaksanakan bagi tujuan kemasukan ke Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) (KPM, 2012). Terdapat dua keadaan murid pemulihan khas berisiko disleksia seandainya tidak melepas skor minimum Ujian Pelepasan Pemulihan Khas yang telah ditetapkan oleh KPM (KPM, 2019), iaitu sama ada disahkan dan ditempatkan di PPKI atau tidak disahkan sebagai MBPK dan perlulah menjalani pembelajaran di kelas perdana. Jika tiada satu keselarasan alat yang dapat mengukur perkembangan literasi bahasa murid pemulihan khas berisiko disleksia ini terutamanya ketika mereka menjalani PdPc dalam kelas perdana bersama guru perdana, maka dikhuatiri murid bercirikan disleksia ini akan terus tercicir dan jurang kemahiran literasi bahasa mereka berbanding rakan sebaya di kelas perdana kian besar. Oleh itu, gambaran keberadaan murid pemulihan khas yang berciri MBPK seperti yang berisiko disleksia yang tidak melepas Ujian Pelepasan Program Pemulihan Khas adalah seperti Rajah 1.



**Rajah 1: Gambaran Keberadaan Murid Pemulihan Khas Berisiko Disleksia yang Tidak Melepas Ujian Pelepasan Pemulihan Khas**

## Tujuan dan Persoalan Kajian

Sehubungan dengan itu, tujuan kajian adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen perkembangan literasi bahasa murid pemulihan khas berisiko disleksia (IPLiPeD). Berikut adalah persoalan kajian yang akan dijawab melalui kajian ini:

1. Apakah nilai kesahan kandungan instrumen melalui analisis *Content Validity Ratio* (CVR)?
2. Apakah nilai kebolehpercayaan instrumen melalui analisis pekali alfa Cronbach?

## Kajian Literatur

Tiga aspek utama kajian ini yang dibincangkan ialah berkaitan literasi bahasa, disleksia dan instrumen.

### Literasi Bahasa

Menurut United National Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), literasi merupakan kebolehan mengenal pasti, memahami, mentafsir, mencipta, berkomunikasi dan mengira dengan menggunakan cetakan dan bahan bertulis yang dikaitkan dengan pelbagai konteks (UNESCO, 2018). Literasi pula bukanlah berfokuskan kepada kebolehan membaca dan menulis semata-mata (Zua, 2021) tetapi juga merupakan alat yang berkesan dalam menguasai kemahiran dan kecekapan yang melebihi daripada jangkaan (Zua, 2021).

Berpandukan Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas 2012, literasi dikaitkan dengan literasi bahasa bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Ianya merupakan mata pelajaran utama yang diajar kepada murid pemulihan khas yang di kenal pasti dalam kalangan murid tahun 2 sehingga tahun 6 di sekolah rendah di bawah Program Pemulihan Khas (KPM, 2012). Terdapat 32 kemahiran literasi yang perlu dikuasai oleh murid pemulihan khas (KPM, 2019). Namun, sekiranya seseorang murid pemulihan khas itu bercirikan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) seperti disleksia dan tiada peningkatan kemahiran literasi bahasa yang memberangsangkan walaupun telah menerima intervensi sekurang-kurangnya enam bulan, maka, sebuah perbincangan terperinci bersama ibu bapa akan diadakan. Hal ini bertujuan agar ibu bapa cakna dengan keadaan murid dan cadangan untuk pemeriksaan pegawai perubatan yang dilantik, jika perlu.

Oleh itu, perkembangan literasi bahasa murid pemulihan khas yang bercirikan disleksia tidak boleh dipandang enteng kerana kesannya turut membabitkan perkembangan sosioemosi murid (Jusiah Idang et al., 2021; Nor Azizah Mohammad & Suziyani Mohammed, 2020). Hall et al. (2022) turut menegaskan bahawa pengesanan dan pemulihan awal kemahiran literasi bahasa murid mampu meningkatkan akademik dan kesejahteraan emosi murid yang mempunyai atau yang berisiko disleksia.

### Disleksia

Gibbs dan Elliot (2020) menyatakan bahawa terdapat pelbagai istilah yang dikaitkan dengan disleksia iaitu termasuklah kesukaran membaca, gangguan membaca, kesukaran belajar khusus, ketidakupayaan belajar, tahap ketidakupayaan membaca perkataan dan ketidakupayaan membaca khusus. Disleksia merupakan masalah pembelajaran yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak, iaitu sebanyak 5% hingga 17 % di seluruh dunia (Ramli et al., 2020). Oleh itu, para guru khususnya perlu mengetahui ciri-ciri disleksia bagi menangkis tanggapan negatif terhadap murid yang bercirikan disleksia (Mazidah, 2020) dan seterusnya dapat membendung masalah sosial yang sering dikaitkan dengan murid yang tidak menguasai

kemahiran literasi bahasa ini (Livingston et al., 2018, Suzita Samsudin & Aliza Alias, 2021; T O'Brien, 2020).

### **Instrumen**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan beberapa instrumen dalam menangani masalah literasi bahasa dalam kalangan murid pemulihan khas namun kesemua instrumen tidak mengukur perkembangan literasi bahasa murid pemulihan khas yang berisiko disleksia secara khusus. Antara instrumennya ialah Instrumen Penentu Penggunaan Membaca dan Menulis (IPP2M) (KPM, 2019), Instrumen Senarai Semak Disleksia (ISD) (KPM, 2011) dan Instrumen Pengesahan Murid Bermasalah dalam Pembelajaran (IPMBDP) (KPM, 2011).

Selain KPM, beberapa penyelidik terdahulu turut membina beberapa instrumen yang berkait dengan pengujian terhadap murid disleksia, iaitu Ujian Awal Pengesahan Disleksia (UAPD) untuk murid prasekolah yang diadaptasi dari *The Dyslexia Early Screening Test (DEST)* melalui kaedah terjemahan Brislin (Rohaty & Shafie, 2005), Ujian diagnostik *Jordan Writing Screening Test (JWST)* dan Ujian diagnostik *Jordan Oral Screening Test (JOST)* yang dibina untuk menguji kemahiran bacaan dan sebutan dalam mengesan murid disleksia auditori atau disleksia visual (Vijayaletchumy, 2008) dan Saringan Intervensi Simptom Disleksia (SISD) dalam mengesan murid disleksia (Vijayaletchumy & Kavena, 2019).

Namun, instrumen yang dibangunkan masih tidak menjurus dalam mengukur perkembangan literasi bahasa murid pemulihan khas berisiko disleksia di sekolah rendah. Hal ini menyebabkan penyelidik telah membina sebuah instrumen perkembangan literasi bahasa murid pemulihan khas (IPLIPeD) menerusi kajian literatur dan pandangan pakar dengan bersandarkan kepada teori dan model yang berkaitan literasi untuk diaplikasikan dalam kajian ini. Antaranya ialah Teori Perkembangan Bahasa (Chall, 1976) dan Model Bacaan Dwi-Laluan (Coltheart et al., 1993) yang telah diadaptasi dengan berpandukan buku Panduan PdP Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas (KPM, 2019) sebagai sumber utama dalam pembinaan IPLIPeD ini. Tambahan pula, Ecale et al. (2020) menegaskan bahawa banyak kajian menyatakan kepentingan menguasai kemahiran literasi bahasa khusus untuk capai perkembangan bahasa yang baik. Maka, dengan adanya IPLIPeD, kemahiran literasi bahasa yang tidak dikuasai dapat dikesan dan diatasi dengan intervensi yang khusus sekaligus membantu murid dalam menguasai perkembangan literasi bahasa seperti yang diharatkannya oleh KPM.

### **Metodologi Kajian**

#### **Reka Bentuk dan Sampel Kajian**

Kajian ini dijalankan secara tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik dengan melibatkan teknik persampelan bertujuan. Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2021) menyatakan bahawa sampel bertujuan dipilih kerana memenuhi segala kriteria, sifat dan mengandungi maklumat seperti yang dikehendaki dalam kajian. Sehubungan itu, menurut Ayre dan Scally (2014), panel pakar dilibatkan untuk mempertimbangkan kepentingan item secara individu dalam setiap instrumen yang dibina. Panel yang dilantik pula mestilah memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti pandangan pakar terdahulu, iaitu bekerja dalam bidang dan mempunyai pengalaman melebihi lima tahun (Yazdanmehr & Akbari, 2015; Noor Azimah et al., 2019), mempunyai pengalaman dalam bidang dan terlibat secara langsung dalam bidang yang berkaitan (Mohd Effendi et al., 2017).

Seterusnya, bilangan pakar kesahan kandungan yang dicadangkan pula adalah sekurang-kurangnya tiga orang dan tidak melebihi sepuluh orang (Lynn, 1986; Polit & Beck 2006). Namun, berpandukan jadual *Content Validity Ratio* (CVR) yang dicadangkan oleh Lawshe (1975), bilangan panel pakar yang dinyatakan ialah sekurang-kurangnya lima orang. Oleh sebab kajian ini akan menggunakan kaedah CVR, maka cadangan bilangan panel pakar Lawshe diguna pakai. Untuk itu, dalam kajian ini, seramai lima orang panel pakar telah dilantik secara rasmi. Kesemua panel pakar yang dilantik memenuhi syarat pakar yang ditetapkan. Soal selidik panel pakar telah diedar dan dipulangkan melalui emel rasmi panel pakar. Menurut Shamshuritawati Sharif (2021), dengan menggunakan medium emel, panel pakar mempunyai lebih banyak masa untuk buat penilaian terhadap soal selidik tanpa dipengaruhi oleh penyelidik.

### **Pembinaan Instrumen Kajian**

Pembinaan instrumen kajian ini adalah berpandukan model pembinaan instrumen Cohen et al. (2021). Pada peringkat kedua pembinaan instrumen, iaitu selepas semakan pakar, Jadual Spesifikasi Instrumen (JSI) dibina. Tujuannya agar item yang dibina adalah seimbang dan mencakupi bidang kajian.

Pada awalnya, sebanyak 40 item yang dibina dengan pecahan kepada empat konstruk, iaitu huruf (lapan item), penyahkodan suku kata dan perkataan (16 item), bacaan perkataan dan ayat mudah (lapan item) dan bacaan teks (lapan item). Bilangan item dalam setiap konstruk adalah berbeza-beza kerana bersandarkan rumusan tinjauan literatur dan dapatan analisis keperluan kajian yang telah dijalankan. Seterusnya, semakan pakar dibuat agar semua item instrumen yang dibina dapat mengukur perkembangan literasi bahasa murid pemulih khas berisiko disleksia. Berdasarkan hasil semakan panel pakar yang telah dijalankan pada peringkat pertama dalam model pembinaan instrumen Cohen et al. (2021), sebanyak 16 item ditambah dan empat item digugurkan. Ini menjadikan jumlah bilangan item intrumen bahagian literasi bahasa adalah 52 item. Maka, kesahan kandungan bagi item instrumen melalui kaedah CVR dilaksanakan.

### **Dapatkan Kajian**

Dapatkan kajian dianalisis bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Berikut adalah perincian dapatkan berdasarkan persoalan kajian yang telah ditetapkan.

### **Kesahan Kandungan IPLiPeD**

Dalam menentukan nilai kesahan kandungan IPLiPeD, penyelidik telah menggunakan analisis Indeks Kesahan Kandungan atau dikenali sebagai *Content Validation Ratio* (CVR). Analisis CVR ini mengkehendaki setiap panel pakar menandakan persetujuan terhadap item berdasarkan skala tiga mata, iaitu 1=penting, 2=berguna tetapi tidak penting dan 3=tidak perlu. Skor CVR akan dikira dengan menggunakan formula di bawah, iaitu  $n_e - (N/2)$  dirujuk sebagai jumlah panel pakar yang menilai item sebagai penting dan  $N$  merupakan jumlah keseluruhan panel pakar yang terlibat (Lawshe, 1975).

$$\text{CVR} = \frac{n_e - (N/2)}{N/2}$$

Hasil analisis ini akan dibandingkan dengan nilai kritikal berdasarkan Jadual 1 seperti yang dikemukakan oleh Lawshe (1975). Sekiranya nilai CVR yang diperolehi adalah kurang daripada nilai kritikal, maka item tersebut perlu dibaiki atau digugurkan. Dalam kajian ini seramai lima orang panel pakar yang terlibat, maka nilai CVR kritikal ialah 1.00. Hal ini bermakna, sekiranya nilai CVR item instrumen diperoleh kurang dari 1.00, maka item instrumen IPLiPeD akan dibaiki atau digugurkan.

**Jadual 1: Jadual Nisbah Kesahan Kandungan (CVR)**

Bilangan Pakar (N)	Bilangan Minimum Pakar Bersetuju Item Penting (ne)	CVR Kritikal
5	5	1.00
6	6	1.00
7	7	1.00

Sumber: Lawshe (1975).

Seterusnya, selepas nilai CVR diperolehi, penyelidik akan turut melaporkan nilai Indeks Kesahan Kritikal (Critical Validity Index - CVI). Nilai CVI ini adalah anggaran kesahihan kandungan semua gabungan item instrumen (Lawshe, 1975). Lawshe (1975) mengesyorkan agar pengiraan CVI adalah menggunakan min CVR ( $\bar{x}$ ) bagi semua item akhir ( $I_{CVR}$ ). Pengiraan CVI adalah seperti berikut, iaitu  $CVI = \bar{x}(I_{CVR})$ . Walau bagaimanapun, penyelidik membuat pengiraan CVI berdasarkan formula tatasusunan di perisian Microsoft Excel seperti yang dicadangkan oleh Genareo (2023) bagi mengelakkan sebarang ralat.

Terdapat beberapa nilai CVI yang dicadangkan oleh penyelidik terdahulu dalam menentukan sesebuah instrumen diterima atau tidak (Genareo, 2023). Polit, Beck dan Owen (2007) mencadangkan nilai CVI sesebuah instrumen yang boleh diterima ialah 0.78 namun menurut Tilden, Nelson dan May (1990), nilai CVI sekurang-kurangnya 0.70 sudah memadai namun semakin tinggi nilai menghampiri 1.00 adalah semakin baik. Oleh itu, Genareo (2023) menegaskan walaupun panel pakar yang dilibatkan adalah kurang daripada tujuh orang, tetapi secara teorinya nilai CVI yang menghampiri 1.00 dianggap sah.

Selepas pengujian kesahan kandungan melalui CVR dilakukan, sebanyak 33 item telah dikekalkan manakala sebanyak 19 item digugurkan kerana nilai CVR berada di bawah nilai kritikal CVR, iaitu 1.00. Kesemua konstruk diterima kerana nilai CVI adalah melebihi 0.7. Analisis CVR bagi setiap item dan nilai CVI mengikut konstruk adalah seperti Jadual 2 di bawah.

**Jadual 2: Nilai CVR Item Mengikut Konstruk**

No. Item	Pernyataan Item	* ne	**CVR	Interpretasi
<b>Huruf</b>				
B01	mengajuk bunyi huruf vokal (a, e, i, o, u).	4	0.60	Digugurkan
B02	menamakan huruf vokal (a, e, i, o, u).	5	1.00	Dikekalkan
B03	membunyikan huruf vokal (a, e, i, o, u).	5	1.00	Dikekalkan
B04	menamakan huruf kecil secara rawak.	5	1.00	Dikekalkan
B05	menulis huruf kecil yang didengar tanpa terbalik	5	1.00	Dikekalkan
B06	menamakan huruf besar secara rawak.	5	1.00	Dikekalkan
B07	menulis huruf besar yang didengar tanpa terbalik.	5	1.00	Dikekalkan
B08	membezakan bentuk huruf yang hampir sama.	4	0.60	Digugurkan
B09	membezakan bentuk huruf besar dan huruf kecil.	4	0.60	Digugurkan
B10	menyalin huruf tanpa terbalik.	4	0.60	Digugurkan
	Nilai Indeks Kesahan Kritikal (CVI)		0.84	Diterima
<b>Suku kata/Perkataan</b>				
B11	menamakan gambar yang mengandungi suku kata kv.	3	0.20	Digugurkan

B12	menamakan gambar yang mengandungi suku kata kvk.	3	0.20	Digugurkan
B13	menamakan gambar yang mengandungi suku kata kvkk.	3	0.20	Digugurkan
B14	mengeja suku kata yang mempunyai huruf yang hampir sama.	5	1.00	Dikekalkan
B15	mengeja perkataan yang mengandungi suku kata yang hampir sama.	4	0.60	Digugurkan
B16	menyalin suku kata tanpa ada huruf yang terbalik.	5	1.00	Dikekalkan
B17	menyalin perkataan mengikut suku kata tanpa terbalik.	5	1.00	Dikekalkan
B18	menyalin perkataan tanpa tertinggal huruf.	5	1.00	Dikekalkan
B19	menyalin perkataan di atas garisan dengan betul.	5	1.00	Dikekalkan
B20	menyalin perkataan dengan betul (tanpa terbalik huruf/suku kata/perkataan).	4	0.60	Digugurkan
B21	mencerakinkan perkataan yang mengandungi suku kata kv.	4	0.60	Digugurkan
B22	mencerakinkan perkataan yang mengandungi suku kata kvk.	4	0.60	Digugurkan
B23	mencerakinkan perkataan yang mengandungi suku kata kvkk.	4	0.60	Digugurkan
B24	mencantumkan suku kata membentuk perkataan bermakna tanpa terbalik.	5	1.00	Dikekalkan
B25	membaca perkataan mengikut sebutan suku kata yang betul.	5	1.00	Dikekalkan
B26	menulis perkataan yang didengar (imlak) dengan betul.	5	1.00	Dikekalkan
	Nilai Indeks Kesahan Kritikal (CVI)		0.73	Diterima

### Ayat Mudah

B27	menyusun perkataan membentuk ayat mudah.	5	1.00	Dikekalkan
B28	membaca ayat mudah tanpa menambah / menggugurkan huruf pada perkataan.	5	1.00	Dikekalkan
B29	membaca ayat mudah tanpa menambah /menggugurkan suku kata pada perkataan.	5	1.00	Dikekalkan
B30	membaca ayat mudah tanpa menukar perkataan dengan perkataan yang lain.	5	1.00	Dikekalkan
B31	membaca ayat mudah dengan tanda bacaan yang betul.	4	0.60	Digugurkan
B32	membaca ayat mudah tanpa melangkau baris.	5	1.00	Dikekalkan
B33	menyalin ayat mudah di atas garisan.	5	1.00	Dikekalkan
B34	menyalin ayat mudah tanpa menggugurkan huruf dalam perkataan.	4	0.60	Digugurkan
B35	membina ayat mudah secara lisan berpandu gambar/perkataan	5	1.00	Dikekalkan
B36	membina ayat mudah secara bertulis berpandu gambar /perkataan.	5	1.00	Dikekalkan
B37	membaca ayat mudah dengan lancar.	5	1.00	Dikekalkan

B38	menjawab soalan pemahaman ayat mudah secara lisan.	5	1.00	Dikekalkan
B39	menjawab soalan pemahaman ayat mudah secara bertulis.	5	1.00	Dikekalkan
Nilai Indeks Kesahan Kritikal (CVI)			0.74	Diterima

<b>Teks</b>					
B40	membaca teks dengan sebutan yang betul.	4	0.60	Digugurkan	
B41	membaca teks tanpa menambah/menggugurkan huruf pada perkataan.	5	1.00	Dikekalkan	
B42	membaca teks tanpa menambah/menggugurkan suku kata pada perkataan.	5	1.00	Dikekalkan	
B43	membaca teks tanpa menggantikan perkataan dengan perkataan yang lain.	4	0.60	Digugurkan	
B44	membaca teks dengan tanda bacaan yang betul.	4	0.60	Digugurkan	
B45	membaca teks tanpa melangkau baris.	5	1.00	Dikekalkan	
B46	menyalin teks di atas garisan dengan betul.	4	0.60	Digugurkan	
B47	menyalin teks tanpa menggugurkan huruf dalam perkataan.	3	0.20	Digugurkan	
B48	menceritakan semula teks yang didengar.	5	1.00	Dikekalkan	
B49	menceritakan semula teks yang dibaca.	5	1.00	Dikekalkan	
B50	menjawab soalan pemahaman tentang teks yang didengar secara lisan.	5	1.00	Dikekalkan	
B51	menjawab soalan pemahaman tentang teks yang dibaca secara lisan.	5	1.00	Dikekalkan	
B52	menjawab soalan pemahaman tentang teks yang dibaca secara bertulis.	5	1.00	Dikekalkan	
Nilai Indeks Kesahan Kritikal (CVI)			0.82	Diterima	

\* Bilangan panel pakar yang telah menilai item sebagai sangat penting (*essential*).

\*\*Content Validity Ratio (CVR) =  $(Ne - N/2) / (N/2)$  melibatkan lapan panel pakar ( $N = 5$ ), item yang mempunyai nilai CVR sebanyak 1.00 telah dikekalkan sebagai item instrumen manakala nilai CVR yang kurang dari nilai tersebut telah digugurkan.

Berdasarkan penetapan nilai CVR di atas, rumusan keseluruhan item yang dikekalkan dan yang digugurkan adalah seperti Jadual 3 di bawah.

**Jadual 3: Rumusan Keseluruhan Item**

Konstruk	No. Item Dikekalkan	Bil. Item Dikekalkan	No. Item Digugurkan	Bil. Item Digugurkan
Huruf	02, 03, 04, 05, 06, 07	6	01, 08, 09, 10	4
Suku kata dan Perkataan	14, 16, 17, 18, 19, 24, 25, 26	8	11, 12, 13, 15, 20, 21, 22, 23	8

Ayat Mudah	27, 28, 29, 30, 32, 33, 35, 36, 37, 38, 39	11	31, 34	2
Teks	41, 42, 45, 48, 49, 50, 51, 52	8	40, 43, 44, 46, 47	5
Jumlah Item		33		19

### Kebolehpercayaan Instrumen

Nilai kebolehpercayaan IPLiPeD diukur melalui kaedah ketekalan dalam alfa Cronbach. Menurut Pallant (2010), nilai kebolehpercayaan yang diterima ialah sekurang-kurangnya 0.70. Namun menurut beberapa penyelidik terdahulu, nilai alfa Cronbach yang melebihi 0.8 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi, Nilai alfa Cronbach yang boleh diterima ialah sekurang-kurangnya 0.6 dan tahap kebolehpercayaan yang menunjukkan item perlu dibaiki adalah apabila nilai alfa Cronbach berada dalam julat 0.5 hingga 0.59 (Azrilah et al., 2015; Bond & Fox, 2015; Linacre, 1994).

Dalam kajian ini, data kajian yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian Winstep versi 5.2.5.1. Pembersihan data telah dilakukan agar sebarang ralat dalam dapatan kajian dapat dielakkan. Penyelidik telah menganalisis dapatan kajian untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan mengikut konstruk IPLiPed secara keseluruhan. Keempat-empat nilai kebolehpercayaan mempunyai nilai pekali yang berbeza-beza. Namun, keempat-empat tahap kebolehpercayaan tersebut berada pada tahap yang tinggi, iaitu nilai alfa Cronbach yang diperoleh melebihi 0.8. Seterusnya, nilai kebolehpercayaan bagi IPLiPed secara keseluruhan ialah 0.94. Maka, jelas menunjukkan IPLiPeD mempunyai nilai ketekalan dalam yang baik. Nilai kebolehpercayaan bagi setiap konstruk dapat dijelaskan seperti Jadual 4 di bawah.

**Jadual 4: Nilai Kebolehpercayaan Alfa Cronbach Mengikut Konstruk**

Konstruk	Bilangan Item	Alfa Cronbach	Interpretasi
Huruf	6	0.93	Tinggi
Suku kata dan Perkataan	8	0.84	Tinggi
Ayat Mudah	11	0.90	Tinggi
Teks	8	0.88	Tinggi
Jumlah Item	33	0.94	Tinggi

### Kesimpulan

Oleh yang demikian, secara keseluruhannya IPLiPed mempunyai nilai kesahan yang efisien dan nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, objektif utama kajian dalam menentukan kesahan kandungan dan menguji kebolehpercayaan dengan kaedah ketekalan dalam instrumen tercapai. Ternyata, IPLiPed sesuai dijadikan sebuah instrumen untuk mengukur perkembangan literasi bahasa murid pemulihian khas yang berisiko disleksia di sekolah rendah. Dengan menggunakan kaedah CVR yang melibatkan kesepakatan pakar secara empirikal mampu mengesahkan IPLiPed sebuah instrumen yang sahih. Walau bagaimanapun, penting diingatkan bahawa instrumen ini masih dalam pembangunan. Pengujian ciri-ciri psikometriknya masih memerlukan kajian lanjut untuk digunakan dalam kajian sebenar.

Penyelidik mencadangkan agar kefungsian item instrumen diuji dengan menggunakan Model Rasch. Hal ini kerana, model Rasch (1960) dapat memberi petunjuk sebagai pembuktian kualiti item yang dibina disamping mengukuhkan lagi kesahihan instrumen (Azrilah et al., 2015).

### Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd yang memberikan peluang penerbitan artikel ini.

### Rujukan

- Ayre, C., & Scally, A. J. (2014). Critical values for Lawshe's content validity ratio: Revisiting the original methods of calculation. *Measurement and Evaluation in Counseling and Development*, 47(1), 79–86. <https://doi.org/10.1177/0748175613513808>
- Azrilah Abdul Aziz, Mohd Saidfudin Masodi & Azami Zaharim. (2015). *Asas Model Pengukuran Rasch: Pembentukan Skala & Struktur Pengukuran*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bond, T.G. & Fox, C.M. (2015). *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*. Third Edition. Routledge.
- Chall, J. S. (1976). The great debate: Ten years later with a modest proposal for reading stages. In L. G. Resnick & P. A. Weaver (Eds.), *Theory and practice of early reading*, 1, 29-56. Erlbaum.
- Cohen, R. J., Schneider, W. J. & Tobin, R. M. (2021). *Psychological Testing and Assessment: An Introduction to Tests and Measurement* (10<sup>th</sup> ed.). McGraw Hill.
- Coltheart, M., Curtis, B., Atkins, P., & Haller, M. (1993). Models of reading aloud. *Psychological Review*, 100(4), 589–608.
- Ecalle, J., Thierry, X., & Magnan, A. (2020). A brief screening tool for literacy skills in preschool children: an item response theory analysis. *Journal of Psychoeducational Assessment*, 38(8), 995–1013. <https://doi.org/10.1177/0734282920922079>
- Flack, Z. M., Field, A. P., & Horst, J. S. (2018). The effects of shared storybook reading on word learning: A meta-analysis. *Developmental Psychology*, 54(7), 1334-1346.
- Genareo, V. R. (2023). Using Microsoft Excel to calculate content validity index (CVI) and content validity ratio (CVR): A practical approach [Paper presentation]. *AAQEP Quality Assurance Symposium*. Indianapolis.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2021). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Universiti Malaya.
- Gibbs, S. J., & Elliott, J. G. (2020). The dyslexia debate: life without the label. *Oxford Review of Education*, 46(4), 487-500.
- Hall, C., Dahl-Leonard, K., Cho, E., Solari, E. J., Capin, P., Conner, C. L., Henry, A. R., Cook, L., Hayes, L., Vargas, I., Richmond, C. L., & Kehoe, K. F. (2022). Forty years of reading intervention research for elementary students with or at risk for dyslexia: a systematic review and meta-analysis. *Reading Research Quarterly*, 1–28. <https://doi.org/10.1002/rrq.477>
- Jusiah Idang, Hanisah Halim, Murnizam Halik, Sabariah Sharif. (2021). Isu Sosioemosi dalam kalangan Pelajar Sekolah Rendah di Negeri Sabah. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 35(3), 1-12.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). Instrumen pengesanan murid bermasalah dalam pembelajaran. 1–13. *Bahagian Pendidikan Khas*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). Instrumen senarai semak disleksia, 1–10. *Bahagian Pendidikan Khas*.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). Manual instrumen pengesahan murid bermasalah dalam pembelajaran, 1–28. Bahagian Pendidikan Khas.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). Manual instrumen senarai semak disleksia. 1–38. Bahagian Pendidikan Khas.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). Garis panduan pelaksanaan Program Pemulihan Khas, 1–34. Bahagian Pendidikan Khas.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Panduan pelaksanaan instrumen penentu penguasaan membaca dan menulis (IPP2M), 1–22. Bahagian Pendidikan Khas.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Buku panduan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Program Pemulihan Khas. Bahagian Pendidikan Khas.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). Laporan awal pencapaian Malaysia dalam PISA 2022. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan.
- Lawshe, C. H. (1975). A quantitative approach to content validity. *Personnel Psychology*, 28(4):563–575. <https://doi.org/10.1111/j.1744-6570.1975.tb01393.x>
- Linacre, J.M. (1994). Sample size and the calibration of item or stability of person measures. *Measurement Transactions Rasch*, 7(4), 328. <https://www.rasch.org/rmt/rmt74m.htm>
- Livingston, E. M., Siegel, L. S., and Ribary, U. (2018). Developmental dyslexia: emotional impact and consequences. *Aust. J. Learn. Diffic.*, 23, 107–135. <https://doi.org/10.1080/19404158.2018.1479975>
- Mairin Gosman, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Azmain Saharin, & Siti Rozana Saili. (2020). Hubungan penglibatan ibu bapa dan peranan guru dengan pencapaian akademik pelajar sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4(1), 1–2.
- Mazidah Ali. (2020). Tahap kesediaan guru sekolah aliran perdana melaksanakan pengajaran dan pembelajaran terhadap murid bercirikan disleksia. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*. 15. Bahagian Profesionalisme Guru.
- Mazidah Ali. (2022). Pengaruh pengetahuan terhadap sikap ibu bapa murid pemulihan khas bercirikan disleksia di sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*. 23. Bahagian Profesionalisme Guru
- Mazidah Ali. (2023). Hubungan antara sikap dengan pendapatan ibu bapa murid pemulihan khas berisiko disleksia terhadap penguasaan literasi bahasa. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 21(2), 54–81
- Mohd Effendi @ Ewan, M. M., Hisyamsani, I., Normawati, A. R., & Ahmad Zamri, K. (2017). Kesahan kandungan pakar instrumen IKBAR bagi pengukuran AQ menggunakan nisbah kesahan kandungan. In *International Conference on Global Education*, pp. 979–997.
- Noor Azimah, Khadijah & Ab. Halim (2019). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Pengurusan Pendidikan Dakwah di Sekolah, *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(19), 108–118.
- Nor Azizah Mohammad & Suziyani Mohamed. (2020). Analisis keperluan pembangunan modul pembelajaran dalam membentuk kecerdasan sosioemosi kanak-kanak. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 70–82. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijep/article/view/10806>
- Nurul Ain Badrul Hisam & Khairul Farhah Khairuddin. (2022). Pendidikan inklusif murid berkeperluan khas kategori autisme di sekolah rendah: perspektif ibu bapa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001286. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1286>

- Pallant, J. (2010). *SPSS Survival manual: A step by step guide to data analysis using spss* (4th ed.). Allen & Unwin.
- Paul Carlo, D., & Kamsiah Ali. (2018). Satu sorotan literatur tentang penglibatan sosial belia berstatus sosioekonomi rendah. *Journal of Borneo-Kalimantan*, 4(1), 14-19. <https://doi.org/10.33736/jbk.917.2018>
- Polit, D.F., Beck, C.T. and Owen, S.V. (2007) Is the CVI an Acceptable Indicator of Content Validity? Appraisal and Recommendations. *Research in Nursing & Health*, 30, 459-467. <http://dx.doi.org/10.1002/nur.20199>
- Radziah Taris & Muhammad Husin. (2013). *Sosioekonomi keluarga, motivasi intrinsik dan kebolehan membaca murid pemulihian khas*. Seminar Internasional Pasca Siswazah Pendidikan Khas. UNJ-UPI Siri 3/2013.
- Ramli, S., Idris, I. B., Omar, K., Harun, D., & Surat, S. (2020). Development of dyslexia health education module (DHEM) for preschool teachers. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 16, 1-7.
- Rohaty Mohd Majzub & Shafie Mohd. Nor. (2005). Simptom Disleksia Kanak-kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan*, 30, 3-19.
- Shamshuritawati Sharif. (2021). *Must know statistics*. SS Ilham Solution.
- Suzita Samsudin & Aliza Alias. (2021). Pengetahuan terhadap disleksia dalam kalangan ibu bapa di sebuah sekolah rendah. *Journal of Quran Sunnah Educationand Special Needs*, 5, 201-213.
- T O'Brien. (2020). Understanding the Socio-Emotional Impact of Dyslexia in the Inclusive Classroom, 19, 315-324.
- Tilden VP, Nelson CA, May BA. (1990). Use of qualitative methods to enhance content validity. *Nurs Res*, 39(3), 172-5. PMID: 2342905.
- Torppa, M., Vasalampi, K., Eklund, K., & Niemi, P. (2022). Long-term effects of the home literacy environment on reading development: Familial risk for dyslexia as a moderator. *Journal of Experimental Child Psychology*, 215, 105314. <https://doi.org/10.1016/j.jecp.2021.105314>
- United National Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). (2018). *Defining Literacy*. GAML Fifth Meeting. 17-18 October 2018.
- Vijayaletchumy Subramaniam & Kavenia Kunasegran. (2019). Simptom disleksia visual vs tahap pembelajaran kanak-kanak disleksia. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 20(1), 140-155.
- Vijayaletchumy a/p Subramaniam. (2008). Disleksia dalam Konteks Pembelajaran Bahasa di Malaysia. *Pertanika J. Soc.Sci. & Human*, 16(2), 115-139.
- Yazdanmehr, E. & Akbari, R. (2015). An expert EFL teacher's class management. *Iranian Journal of LanguageTeaching Research*, 3(2), 1-13.
- Zua, B. (2021). Literacy: Gateway to a World of Exploits. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 9(1), 96. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijels.v.9n.1p.96>